

17 Februari 2017

## KENYATAAN MEDIA

*oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan  
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)*

### **GANGGUAN BEKALAN AIR BERJADUAL 12 JAM DI JALAN SUNGAI DUA BERHAMPIRAN LRA SUNGAI DUA PADA 25/2/2017**

- Gangguan bekalan air 8 pagi – 8 malam untuk pemasangan injap pengurang tekanan (PRV) pada saluran paip 600mm berdekatan Loji Rawatan Air Sungai Dua di SPU.
- Kawasan yang terlibat: Taman Merbau Jaya, Taman Merbau Indah, Kampung Petani Sungai Dua, Kampung Tengah Sungai Dua, Lorong Sekolah Menengah Desa Murni, Jalan Pasar Sungai Dua dan Jalan Sungai Dua Merbau Kudung, SPU, Taman Seri Murni, Taman Pengkalan Machang serta Kompleks Perniagaan Sungai Dua.
- Objektif utama: Mencegah dan/atau meminimumkan kesulitan kepada pengguna air di SPU dan SPT pada masa depan yang berlaku berikutan paip pecah dan kebocoran bawah tanah yang menyebabkan gangguan bekalan tidak berjadual.

PULAU PINANG, Jumaat (17/2/2017): Injap pengurang tekanan (PRV) akan dipasang pada saluran paip 600mm berdekatan Loji Rawatan Air Sungai Dua (LRA Sg Dua) pada hari Sabtu, 25 Februari 2017.

Kerja-kerja pemasangan ini memerlukan penutupan sementara sebahagian daripada saluran paip 600mm yang membekalkan air dari LRA Sg Dua kepada pengguna di Seberang Prai Utara (SPU).

Penutupan saluran paip berkenaan akan menyebabkan gangguan bekalan air berjadual 12 jam dari jam 8 pagi sehingga 8 malam pada 25 Februari 2017.

Gangguan bekalan berjadual ini akan melibatkan hampir 11,000 pengguna air di kawasan sekitarnya.

Penduduk yang terlibat di kawasan-kawasan berikut dinasihatkan menyimpan air secukupnya untuk kegunaan selama 12 jam pada 25 Februari 2017:

- 1. Taman Merbau Jaya,**
- 2. Taman Merbau Indah,**
- 3. Kampung Petani Sungai Dua,**
- 4. Kampung Tengah Sungai Dua,**
- 5. Lorong Sekolah Menengah Desa Murni,**
- 6. Jalan Pasar Sungai Dua,**
- 7. Jalan Sungai Dua Merbau Kudung, SPU,**
- 8. Taman Seri Murni,**
- 9. Taman Pengkalan Machang, dan**
- 10. Kompleks Perniagaan Sungai Dua.**

Sila rujuk Lampiran 'A':

Gangguan Bekalan Air Berjadual di Jalan Sungai Dua berdekatan LRA Sungai Dua (SPU) pada 25/2/2017 (Kawasan yang Terlibat)

### FUNGSI DAN MANFAAT PRV

Kajian PBAPP menunjukkan paip pecah dan kebocoran bawah tanah cenderung untuk berlaku dalam rangkaian saluran paip SPU dan Seberang Prai Tengah (SPT) sedia ada setiap kali LRA Sg Dua mengepam air terawat pada tekanan yang lebih tinggi untuk sampai ke Pulau Pinang melalui dua set saluran paip dasar laut berkembar.

Fungsi utama PRV adalah untuk mengurus secara automatik atau mengawal tekanan air yang melalui saluran paip SPU dan SPT sedia ada, dengan 'melindungi' saluran paip ini daripada tekanan tinggi. Dengan adanya perlindungan PRV, LRA Sungai Dua kemudiannya boleh mengepam air 'dengan selamat' pada tekanan yang lebih tinggi menerusi saluran paip tekanan tinggi ke Pulau Pinang, tanpa menimbulkan masalah di Seberang Prai.



Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs

Berikut adalah 5 manfaat utama pemasangan PRV:

|    |  |
|----|--|
| 1. | Mencegah/mengurangkan paip pecah dan kebocoran bawah tanah yang menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjadual dan kesulitan yang tidak sepatutnya kepada semua pengguna air di SPU dan SPT. |
| 2. | Mengepam air terawat pada tekanan yang lebih tinggi yang lebih selamat dari LRA Sg Dua ke Pulau Pinang pada masa hadapan, terutama pada musim kemarau apabila permintaan air meningkat.        |
| 3. | Pengurangan kos pembalikan kecemasan untuk menangani paip pecah dan kebocoran bawah tanah di SPU dan SPT pada masa hadapan.  |
| 4. | Meminimumkan masa henti bekalan air yang berkaitan dengan pembalikan kecemasan di SPU dan SPT, pada masa hadapan.  |
| 5. | Mempertingkatkan Air Tanpa Hasil (NRW), atau pengurusan kerugian air.  |

Kerja-kerja penyambungan PRV dijadualkan dimulakan pada siang hari untuk memastikan ia selesai dijalankan dalam tempoh 12 jam seperti yang dijadualkankan.

Harap maklum Zon Perdagangan Bebas Prai dan kawasan perindustrian lain di bahagian seberang TIDAK terlibat dengan gangguan ini.

PBAPP memohon maaf di atas segala kesulitan yang timbul. Sila ambil perhatian bahawa pemasangan PRV akan memastikan perkhidmatan bekalan air yang lebih baik di Seberang Prai, dan juga di Pulau Pinang, pada masa hadapan. Ia akan memberi manfaat kepada pengguna air dalam jangka panjang.

Sila simpan air yang mencukupi untuk kegunaan selama 12 jam pada hari Sabtu, 25 Februari 2017.

Terima kasih.

*Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan  
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)*

---

Hubungi : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607 Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)



**PBA**  
Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs

N

## LOJI RAWATAN AIR SUNGAI DUA

Kompleks  
Perniagaan  
Sungai Dua

Taman  
Pengkalan  
Machang

Taman  
Seri Murni

LORONG SEK MEN DESA MURNI  
LORONG SERI MURNI 2  
JALAN PASAR SUNGAI DUA  
JALAN SERI MURNI 1

Taman  
Merbau  
Indah

Kampung  
Petani

Kampung  
Tengah  
Sungai Dua

Taman  
Sri Merbau

Tempat  
Pemasangan  
PRV 600mm

Taman  
Merbau Jaya

Valve 600mm  
Klinik Wan Noor

Appendix 'A':  
Gangguan Bekalan Air Berjadual di  
Jalan Sungai Dua berdekatan LRA Sungai Dua (SPU),  
pada 25/2/2017, 8.00 pagi - 8.00 malam

Kawasan yang terlibat